



FSTM Anjur Food Fair



Penyerahan replika cek oleh Syarikat Ajinomoto.

SERDANG, 6 Ogos – Fakulti Sains Teknologi Makanan (FSTM) dan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Food Fair 2009 untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam industri makanan bagi memenuhi kehendak industri tersebut.

Program yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Putra 2, Kolej 12,14,15,16 dari 6 Ogos bertemakan Germinates Into Infinity telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Wee Jeck Seng.

Wee berkata industri makanan menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di universiti bagi terlibat dalam perusahaan makanan industri desa serta menambahbaik sesuatu produk makanan.

Sementara itu Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej-Kolej UPM, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian berkata program ini mendedahkan pelajar kepada industri makanan tempatan yang boleh dijenamakan semula untuk tujuan pengkomersialan.

"Program pelajar ini merupakan proses penjanaan minda yang kreatif dan inovatif yang akan mencetuskan idea-idea yang bernas" katanya.

Pada majlis tersebut, wakil syarikat Ajinomoto selaku penaja utama, Ng Yee Boon menyampaikan replika cek berjumlah RM8,000 kepada Dr. Abdul Rasid untuk menaja program tersebut.

Pada akhir majlis, Wee melawat 15 lot pameran syarikat Vico, Big Apple and Coffee, Sussi King, Pitaberry, MELILEA,Vono,Long Roll, Chocolate Graphics,Yakult, Dominos Pizza termasuk lot tabung kebajikan untuk mengumpul dana bagi rumah kebajikan House of Joy.



Yang Berhormat Wee Jeck Seng mengunjung salah sebuah gerai Food Fair.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.